

# Mahasiswa UMS diingot tidak terlibat perhimpunan guling k'jaan

DE 31.12.13 3

KOTA KINABALU: Mahasiswa khususnya dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) diingotkan supaya menjaga nama baik universiti dan tidak terbabit dalam perhimpunan guling kerajaan yang dirancang oleh pihak tertentu malam ini.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata sebaiknya mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran memandangkan sekarang ialah minggu peperiksaan.

"Saya percaya mahasiswa UMS bersikap matang dalam memikirkan perbuatan baik buruk. Sehingga kini kita tidak nampak sebarang aktiviti signifikan yang boleh merosakkan

nama universiti," katanya di sini, pada Isnin.

Mohd Harun berkata pelajar yang terlibat dalam sebarang perhimpunan haram akan berdepan dengan tindakan undang-undang pihak universiti.

Polis sebelum ini dilaporkan memberi amaran keras terhadap individu atau kumpulan yang mengadakan perhimpunan haram 'menggulingkan kerajaan' di Dataran Merdeka pada malam tahun baharu.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Amar Singh Ishar Singh dipetik berkata pihak polis tidak teragak-agak menahan pihak yang cuba mencetuskan huru-hara di

bawah Akta Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas)(SOSMA) 2012.

Mengulas isu lain, Mohd Harun turut menasihatkan mahasiswa agar tidak mempercayai khabar angin terutama yang disebar menerusi media sosial berhubung sebarang isu termasuk kes keracunan makanan di kantin UMS cawangan lain.

"...sebagai pelajar seharusnya bijak menilai dan jangan menjadikan laman sosial (seperti Facebook) sebagai sumber kerana ini boleh mempengaruhi pemikiran dan ancaman kepada soal keselamatan negara," katanya. - Bernama